

02

EDISI KEDUA



GSMfSR

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

www.kedah.uitm.edu.my JULAI - DISEMBER 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Kunjungan oleh
Pro-Canselor UiTM
YBHG. Tan Sri
Dato' Seri Utama
(DR) Arshad Ayub
ke GALERI SENI MERBOK

LAKAR DESIGN SHOW 2018
Art Meet Science
Pensyarah FSSR pameran
kehebatan

BENGKEL PANDAI BATIK
bersama Pelancong Taiwan

Galeri Seni Merbok
Berwajah Baru
oleh: Faryna Mohd Khalis

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi kedua bagi bulan Julai hingga Disember 2018. Seperti biasa galeri masih rancak menerima kunjungan daripada pihak sekolah-sekolah dan IPT terutama sekitar Kedah. Selain daripada lawatan, galeri kini telah berwajah baru apabila penambahbaikan dilakukan melibatkan pertukaran cat dinding, lantai dan susun atur hasil karya baru. Bukan itu sahaja, malah ruangan galeri telah digunakan untuk pameran sebuah event besar iaitu Pameran Seni Budaya dan Pertandingan yang dijangka berakhir dengan sambutan kemuncak pada bulan March 2019. Semoga pameran dan pertandingan ini memberi semangat dan manfaat kepada semua pengkarya-pengkarya agar terus menghasilkan karya-karya sebagai inspirasi kepada pelapis pada masa akan datang.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor
Dr Faryna Mohd Khalis

Editor
Dr Azhari Md Hashim

Reka Letak Grafik
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Jurugambar
En Nizar Nazrin & En Syafiq Samat

PENULIS

Shuhaila Md Shahid
Dr Faryna Mohd Khalis
En Zaidi Yusoff
Dr Nurul Ayn Sayuti
En Abdullah Kula
Dr Shafila Subri

Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah



Sekitar Program NUDC ke-2 yang telah diadakan di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Kedah

NUDC EDISI KE-2

Kolaborasi bersama MRM

oleh: Dr Nurul 'Ayn Ahmad Sayuti

Penganjuran 2ND National Undergraduates Design Colloquium 2018 (NUDC 2018) adalah dengan hasrat memberi pendedahan kepada para pelajar dalam mengelolakan program bersifat seminar atau kolokium yang mana dapat dijadikan sebagai landasan untuk mempersembahkan hasil karya dan rekaan. Di samping itu program ini juga dapat memberi ruang kepada para pelajar program Sarjana Muda Kejurian Seni Reka Perindustrian dan Program Diploma Seni Reka Perindustrian dan Seni Reka Grafik untuk bertukar, berkongsi pengalaman, pengetahuan dan membincangkan idea – idea baru dalam bidang seni lukis dan seni reka dengan peserta daripada universiti atau institusi lain. Selaras dengan tema program "Great minds discuss ideas", program ini diharapkan dapat memberi impak dalam memperbaharui dan mengetengahkan idea - idea baru. Selain daripada itu, program ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada para pelajar untuk mengurus atau menjalankan seminar atau program yang berkaitan di masa akan datang. Program kali ini dijalankan dengan kolaborasi daripada Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) DAN Malaysia Timber Industry Board (MTIB).